



KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

## MAKLUM BALAS MEDIA

### “BUNTU ANAK BELUM ADA MYKAD”

---

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin merujuk kepada laporan akhbar Utusan Malaysia pada 24 Ogos 2023 (Khamis) berkenaan seorang bapa yang buntu kerana anak yang sudah berusia 19 masih belum memiliki MyKad.

Semakan JPN mendapati Sayan Prak Sat telah membuat permohonan kewarganegaraan anak beliau di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan iaitu permohonan bagi kanak-kanak di bawah umur 21 tahun dan dalam keadaan khas. Permohonan tersebut telahpun diluluskan di peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 7 Julai 2023 dan surat pemakluman akan dikeluarkan secara rasmi dalam masa terdekat.

JPN juga ingin mengingatkan kepada orang ramai bahawa undang-undang Malaysia telah menetapkan status kewarganegaraan anak yang lahir di Malaysia adalah tertakluk kepada status perkahwinan ibu dan bapa yang sah semasa kelahiran berlaku.

Perkahwinan di luar negara juga harus didaftarkan semula di dalam negara bagi memastikan perkahwinan tersebut diiktiraf. Sekiranya berkahwin dengan wanita bukan warganegara dan tidak mendaftarkan semula perkahwinan di Malaysia, anak tersebut tidak layak mendapat kewarganegaraan Malaysia secara kuatkuasa undang-undang atau secara automatik.

Orang ramai yang mempunyai pertanyaan dan ingin mendapatkan nasihat mengenai perkhidmatan dan prosedur permohonan pendaftaran berkaitan kelahiran, kematian, anak angkat, kad pengenalan, perkahwinan dan perceraian bukan Islam serta kewarganegaraan boleh merujuk portal rasmi JPN atau boleh hadir terus ke mana-mana 212 pejabat JPN di seluruh Malaysia. Semua perkhidmatan di JPN tidak perlu melalui ejen atau orang tengah bagi mengelakkan penipuan.

## **JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

### **25 OGOS 2023**

---

*Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftarkan peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.*

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendaftaran Negara  
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)*